

TARIKH	7 / 2 / 2014	SEKSYEN	kosmo
MUKA SURAT	52	RUANGAN	NSAQA

# Aset pembiayaan Bank Islam tumbuh 20 peratus

## BANK ISLAM

**PETALING JAYA** - Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) mengunjurkan aset pembiayaannya meningkat 20 peratus tahun ini, dipacu oleh segmen peruncitan bank.

Pengarah Pembangunan Perniagaannya, Khairul Kamarudin berkata, pertumbuhan dalam segmen peruncitan disumbangkan oleh pembiayaan individu, gadai janji dan pembiayaan perumahan.

"Selain daripada segmen peruncitan, pendapatan berasaskan yuran daripada produk kad debit dan bayaran transaksi juga amat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengumumkan pemenang bagi kempen *Bank Islam Al-Awfar Dream of a Lifetime* di sini semalam.

Buat masa ini, deposit peruncitan bank berjumlah RM8 bilion.

Khairul menjelaskan, bank itu juga berhasrat untuk meningkatkan bahagian pasarnya dalam sektor minyak dan gas.

Tambah beliau, Bank Islam merancang untuk membuka lima lagi cawangan iaitu di Sri Damansara, Kota Bharu dan tiga di



**KHAIRUL** (kanan) bersama pemenang, **Suhaimi** (dua dari kiri) dan **Salomah** (dua dari kanan) memegang replika cek yang dimenangi mereka di Petaling Jaya semalam.

Lembah Klang, menambah kepada 133 cawangan sedia ada di seluruh negara.

Sebelum itu, Bank Islam mengumumkan pemenang cabutan bertuah bagi *Bank Islam Al-Awfar Dream of a Lifetime* yang diadakan bulan lepas.

Pemenang hadiah utama ialah **Suhaimi**

**Abdullah** menerima RM1 juta manakala bagi cabutan kempen bulanan yang ke-44, **Salomah Md. Yusof** membawa pulang RM100,000.

Pada Mei tahun ini, sebanyak 241 pelanggan lagi akan menerima hadiah tunai tambahan berjumlah RM3.91 juta.